

Majlis Aids Malaysia keluar laporan diskriminasi pesakit

BH 30 NOV 2006

KUALA LUMPUR, Rabu – Majlis Aids Malaysia (MAM) akan mengeluarkan laporan mengenai diskriminasi terhadap pesakit HIV/Aids sempena sambutan Hari Aids Sedunia, Jumaat ini.

Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, laporan bertajuk *Living with HIV/Aids – Peer*

Documentation on Discrimination itu dikumpulkan hasil kajian kes yang dijalankan Jabatan Etika Undang-undang dan Hak Kemanusiaan MAM.

Katanya, kajian kes itu dijalankan berikutan laporan yang diterima MAM mengenai diskriminasi terhadap pesakit HIV/Aids oleh masyarakat.

Marina berkata, perangkaan Kementerian Kesihatan menunjukkan kira-kira 34,000 orang dilaporkan dijangkiti virus itu. Bagaimanapun, beliau menambah, data itu tidak menggambarkan keadaan sebenar penduduk Malaysia yang dijangkiti HIV/Aids.

“Data penduduk yang dijangkiti HIV/Aids di negara ini tidak benar dan tidak memberi gambaran sebenar... ia ibarat puncak iceberg,” katanya di Balai Berita di sini, hari ini.

Marina berkata, mengikut laporan itu, 95 peratus pesakit yang dikesan dijangkiti HIV/Aids terdiri daripada lelaki, yang mana mereka adalah tahanan penjara atau penghuni pusat serenti

Ini tidak mencerminkan realiti kerana epidemik itu adalah isu heteroseksual, yang mana tren menunjukkan jangkitan HIV/Aids meningkat di kalangan wanita dan kanak-kanak, katanya.

Katanya, agak sukar untuk mendapatkan data memandangkan tidak banyak kajian dijalankan institusi pengajian tinggi tempatan mengenai jumlah sebenar pesakit epidemik itu di negara ini.